

TARIKH	23 / 5 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	31	RUANGAN	NEWS

Buka akaun Tabung Haji

# Didik murid budaya menabung

Jamaludin Husin

**M**UAR: Lebih 500 murid Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) Daerah Muar bakal menerima buku akaun simpanan Tabung Haji (TH) percuma sumbangan Ketua Umno Bahagian Bakri, Datuk Saipol Bahri Suib, selawat-lewatnya akhir Jun ini.

Saipol berjanji untuk menyumbang sejumlah wang permulaan bagi membuka akaun simpanan murid berkenaan dalam usaha menggalakkan generasi muda menabung serta melabur.

Janji itu dibuatnya ketika beliau merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pelajaran 2011 sekolah itu, kelmarin.

"Memandangkan tempoh menabung untuk menunaikan haji mengambil masa sehingga lebih 15 tahun, wajarlah simpanan untuk ibadat itu dimulakan pada usia muda.

"Sebaik menerima buku akaun simpanan Tabung Haji kelak, ibu bapa sewajarnya menggalakkan anak dari semasa ke semasa supaya menambah pelaburan setiap bulan mengikut kemampu-



**GEMBIRA...Saipol (tengah) bersama sebahagian murid di majlis penyampaian anugerah kecemerlangan SRAB Muar, kelmarin.**

an," katanya.

Hadir sama, Guru Penolong Kanan (GPK) Pentadbiran sekolah itu, Zulkifli Abd Samad dan Yang Dipertua PIBG, Sanusi Rahiman.

Bagaimanapun Saipol merahsiakan jumlah wang permulaan yang akan disumbangkannya untuk membuka akaun simpanan berkenaan.

"Pengurusan sekolah diminta menyenaraikan nama murid sekolah ini dalam

tempoh terdekat untuk diserahkan kepada Tabung Haji.

"Selain itu jika ada guru yang belum membuka akaun simpanan Tabung Haji, mereka boleh membuat demikian dan memajukan nama kepada pihak Tabung Haji bersama senarai murid sekolah," katanya.

Sementara itu, Sanusi berkata, PIBG dan SRAB Daerah Muar menyambut baik langkah Saipol untuk menyumbang pembukaan

akaun simpanan Tabung Haji di kalangan murid sekolah berkenaan.

"Sumbangan ini satu penghargaan kepada murid, ibu bapa dan sekolah," katanya.

Pada majlis itu, Saipol menyampaikan anugerah kecemerlangan kepada 99 murid tahun satu hingga enam, termasuk 27 yang mendapat keputusan 5A dan 4A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun lalu serta pelajar cemerlang bagi Sijil Darjah Enam Agama.